NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#14

28 Mac 2024 – 3 April 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Jangan Gopoh: Padukan Ekosistem Sedia Ada 2
Pertumbuhan Ekonomi Perlahan 2024 – Bank Dunia 5
Malaysia Berjaya Tuai Bawang Tempatan Pertama 8
Malaysia Selangkah Dalam Tenaga Bersih 10
Konflik Laut China Selatan 12

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Jangan Gopoh: Padukan Ekosistem Sedia Ada

- Terdahulu, Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi telah menyatakan keluhan beliau disebabkan masih ramai yang belum mendaftar di PADU setelah **tamat tempoh** yang ditetapkan melalui satu klip video yang viral di media sosial. Walau bagaimanapun, Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin kata pendaftaran automatik akan dibuat bagi yang belum lagi mendaftar PADU.

- Setakat 1 April 2024, sebanyak 17.65 juta (58.7%) profil warganegara telah dikemaskini di sistem PADU. Daripada jumlah tersebut, seramai 11.55 juta (52.6%) warganegara berumur atas 18 tahun telah berjaya mendaftar dan mengemas kini profil diri di sistem PADU. Ini bermakna Kementerian Ekonomi akan membentangkan perancangan **penyasaran semula subsidi** kepada Jemaah Menteri dalam bulan April tahun ini berdasarkan PADU dan data asas lain yang dikumpul daripada pelbagai agensi.

- Kegagalan PADU menarik perhatian rakyat untuk mengisi maklumat ini timbul akibat **kelemahan keselamatan siber** negara yang banyak kali mengalami kebocoran maklumat dan berleluasanya aktiviti penipuan (scammer). Walau bagaimanapun, tidak banyak yang boleh dilakukan oleh perundangan semasa. Sepatutnya, ini yang perlu diberikan keutamaan buat masa ini. Isu ini juga pernah dibangkitkan dalam edisi NEXUS yang pertama.

- Difahamkan **perkongsian data** buat masa sekarang ditadbir oleh akta sedia ada di jabatan atau agensi kerajaan masing-masing melalui perjanjian perkongsian data antara agensi. Ini susulan daripada kelulusan yang diberikan oleh Perdana Menteri pada 15 Mei 2023. Namun tiada jaminan data tersebut selamat daripada ancaman dan penyalahgunaan.

- Untuk tujuan ini, kita sedang menantikan penggubalan akta baru, **Akta Omnibus**, yang dikatakan dapat memudahkan perkongsian data antara agensi kerajaan melalui Pangkalan Data Utama Malaysia (PADU) di samping memastikan kedua-dua keselamatan dan kesahihan proses perkongsian data.

- Untuk makluman, setakat ini kita sudah mempunyai beberapa platform seperti Portal Data Terbuka Sektor Awam, myIDENTITY dan Malaysian Government Central Data Exchange (MyGDX). Masing-masing mempunyai fungsinya yang tersendiri ke arah kerajaan berpacukan data. Tambahan pula, untuk pembangunan sosioekonomi, kita mempunyai pelbagai data yang dimiliki oleh pelbagai agensi yang boleh membantu penyasaran subsidi dengan segera. Justeru apabila ada satu lagi platform baru, tanpa inisiatif penyelesaian isu-isu yang berbangkit berkaitan keselamatan siber, pengurusan data yang lebih komprehensif oleh kerajaan ini akan sukar mendapat kepercayaan masyarakat.

- Tidak lama lagi, kerajaan dijangka bakal melancarkan **MyDigital ID** sebagai satu bentuk pengenalan dan pengesahan diri individu secara digital. Ini bertujuan untuk mengesahkan identiti pengguna semasa melakukan transaksi secara dalam talian.

- Ini berbeza di mana pembangunan inisiatif MyDigital ID yang dilaporkan telah dilakukan sejak 2016 apabila MIMOS menjalankan projek penyelidikan Platform Pengesahan Bersepadu sebagai sebahagian daripada Pembangunan Teknologi di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

- Walau bagaimanapun, usaha yang padu perlu dilakukan untuk menangkap penipu dan menutup pintu kecurian data. Hukuman keras perlu dikenakan kepada para pencuri data dan keadilan perlu diberikan kepada semua yang terkesan. Ekosistem keselamatan siber perlu diperkukuhkan. Jangan jadi seperti peribahasa bagai buah keras di dalam sekul dengan bercakap dalam keadaan tergopoh-gopoh.

- Sudah beberapa kali kerajaan melancarkan polisi-polisi kerajaan MADANI dan kemudiannya terpaksa ditarik balik atau dihentikan sementara untuk kajian dan perincian semula. Gerak langkah sebegini menyebabkan pengguna disibukkan dengan isu politik harian yang gegak gempitanya hanya sementara. Sedangkan kerajaan diharapkan untuk menjaga kebajikan rakyat, memudahkan urusan rakyat dan menjaga ketenteraman awam.

RUJUKAN

- https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2024-04/17.65%20JUTA%20%2858.7%25%29%20PROFIL%20WARGANEGARA%20TELAH%20DIKEMASKINI%20DI%20SISTEM%20PADU.pdf
- https://opengovasia.com/2023/06/22/malaysias-omnibus-act-streamlining-data-sharing-for-efficient-governance/

Pertumbuhan Ekonomi Perlahan 2024 – Bank Dunia

- Dalam satu pembentangan Laporan Bank Dunia pada Isnin lalu bertajuk 'Firm Foundations of Growth: East Asia and Pacific Economic Update, April 2024' mendedahkan ekonomi negara-negara **ASEAN tidak berkembang** dengan baik dan pertumbuhan di rantau ini diramalkan perlahan kepada 4.5% tahun ini berbanding 5.1% pada 2023.

- Laporan tersebut menyatakan masalah hutang, halangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar merupakan antara faktor yang melemahkan dinamik ekonomi di rantau ini. Justeru, kerajaan-kerajaan terlibat diseru terus memperkasa pembangunan ekonomi masing-masing bagi menangani masalah jangka panjang seperti kelemahan jaringan keselamatan sosial dan kekurangan pelaburan dalam pendidikan.

- Menurut pembentang yang juga Ketua Ahli Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Aaditya Mattoo, laporan terkini menunjukkan ekonomi **negara sedang membangun** Asia Timur dan Pasifik dilihat berkembang lebih cepat berbanding negara-negara di rantau lain tetapi lebih perlahan berbanding sebelum pandemik COVID-19.

- Selain itu, pemulihan dalam perdagangan global bagi perdagangan dalam barangan dan perkhidmatan meningkat hanya 0.2% pada 2023 namun diunjurkan berkembang sebanyak 2.3% tahun ini.

- Mengulas lanjut, Mattoo berkata, pertumbuhan lemah ekonomi ASEAN antara lainnya disebabkan oleh **peranan China** yang tidak memainkan fungsinya dengan baik di rantau ini. Tambah beliau, pertumbuhan China diunjurkan sederhana kepada 4.5% tahun ini daripada 5.2% pada 2023 disebabkan masalah hutang yang tinggi dan sektor hartanah yang lemah di negara tersebut.

- Sementara itu, laporan sama turut mendedahkan Malaysia dijangka akan menerima tempias daripada pertumbuhan ekonomi yang perlahan negara China. Namun, Malaysia boleh memanfaatkan keadaan ini dengan meningkatkan eksport elektrik dan elektronik yang kini giat berkembang dan mendapat penempatan semula di negara tembok besar tersebut.

- Memandangkan Malaysia adalah negara yang banyak bergantung kepada eksport, justeru **pemulihan eksport negara** akan memberi faedah yang besar bagi membantu memulih dan meningkatkan prestasi ekonomi semasa.

- Januari lalu, dalam laporan Situasi dan Prospek Ekonomi Dunia 2024, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membuat unjuran ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.3 peratus pada 2024 dan 4.6 peratus pada 2025.

- Unjuran itu dilihat sejajar dengan jangkaan **Bank Negara Malaysia** (BNM) yang menganggarkan perkembangan ekonomi negara antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus bagi tahun ini dengan dipacu oleh penggunaan swasta serta pemulihan eksport.

- Berkenaan soal hutang negara, Mattoo berkata paras hutang Malaysia masih lagi terkawal meskipun ia meningkat secara mendadak sejak pandemik COVID-19. Namun, peringatan turut diberikan kerana hutang isi rumah dan korporat di negara ini dilihat tinggi berbanding keluaran dalam negara kasar (KDNK).

- Sementara itu, dalam satu analisis lain oleh firma penyelidikan tempatan, RHB Research, berdasarkan data terkini yang diperolehi menunjukkan **keyakinan domestik** semakin meningkat. Tiga proksi utama khususnya Indeks Pengurus Pembelian (PMI) lebih tinggi; import barang modal dan pertengahan yang bertambah; dan keyakinan perniagaan yang meningkat, menunjukkan sikap optimis pengilang dan perniagaan yang semakin baik.

- Justeru, bagi melangkah ke hadapan, firma tersebut mensasarkan pertumbuhan KDNK akan terus disokong oleh pemulihan prestasi perdagangan dan permintaan domestik yang kukuh.
- Ekonomi Malaysia dinilai berada di paras yang masih kukuh dan berdaya tahan pada tahun ini dengan berkembang 3.7 peratus meskipun berhadapan keadaan persekitaran luaran mencabar pada 2023.

RUJUKAN

- https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2024/04/01/debt-trade-barriers-and-uncertainty-will-drag-on-asian-economies-in-2024-world-bank-report-says
- https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/04/02/world-bank-maintains--growth-forecast-at-43-this-year
- https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/04/1231616/momentum-ekonomi-diramal-meningkat-pada-separuh-pertama-2024#google_vignette

Malaysia Berjaya Tuai Bawang Tempatan Pertama

- **Projek perintis tanaman bawang** seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungkai berjaya memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan untuk tuaian pertama.

- Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, tuaian yang dimulakan pada Januari itu menggunakan varieti bawang merah BAW-1 melibatkan kawasan fasa 1 seluas 0.6 hektar. Menurutnya, perkembangan itu menandakan kejayaan projek perintis penghasilan bawang tempatan yang dilaksanakan kerajaan.



- "Benih itu dikeluarkan dan dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan ditanam oleh Jabatan Pertanian. Hari ini kita telah melakarkan sejarah buat negara dengan pengeluaran bawang yang 100% hasil dan milik negara Malaysia", katanya sempena majlis Tuaian Mega Projek Rintis Tanaman Bawang Kuala Bikam.

- Beliau berkata kejayaan tuaian pertama itu membuka peluang untuk menjadikan Perak sebagai **hub pengeluaran bawang** dengan menambah keluasan tanaman sedia ada. Selain Sungkai, kementerian juga telah mengenal pasti kawasan baharu di daerah Kinta yang boleh dijadikan lokasi strategik penanaman bawang.

- “Bagi penanaman di Sungkai, kita harap potensi hasil lebih besar sehingga 4 tan diperolehi menerusi tanaman fasa 2 dan 3 yang menggunakan varieti bawang merah BAW-2,” katanya lagi.

- Selain Perak, Kementerian juga telah mengenal pasti **lima lagi negeri** iaitu Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan Kelantan bagi melaksanakan projek mega tanaman bawang tempatan. Langkah itu selari dengan sasaran kementerian untuk mencapai kadar sara diri bawang tempatan sebanyak 30 peratus menjelang 2030 yang memerlukan tanaman seluas lebih 1,400 hektar.

- Pada 8 Disember tahun lalu, India sekali lagi telah **melarang eksport bawang** sehingga Mac 2024 bagi meningkatkan bekalan domestik. Keadaan ini mengakibatkan harga jualan bawang dalam negara meningkat dengan mendadak sehingga lebih 2 kali ganda.

- Setakat ini, negara masih terus mengimport semua jenis bawang dan ini merupakan projek rintis bagi penghasilan bawang. Sebelum ini, kebanyakan petani hanya menumpukan penanaman **daun bawang dan kucai** sahaja kerana lebih mudah mendapat hasil dan tidak mudah berpenyakit.

- Penyelidikan pertanian yang seterusnya mampu menyelesaikan keperluan pengguna perlu dipertingkatkan agar dapat dimanfaatkan oleh petani dan rakyat seluruhnya. Lebih-lebih lagi apabila negara sedang menghadapi kemarau yang sedikit sebanyak menjejaskan hasil pertanian.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1231135/tuaian-pertama-bawang-malaysia-23-tan
- https://www.kosmo.com.my/2024/04/04/projek-rintis-berjaya-hasilkan-2-3-tan-bawang-merah-mat-sabu/

Malaysia Selangkah Dalam Tenaga Bersih

- Malaysia mensasarkan untuk mencapai pelepasan **karbon sifar** menjelang tahun 2050 dan beralih kepada 70 peratus tenaga boleh baharu dalam campuran tenaga pada tempoh yang sama. Ini menandakan Malaysia komited untuk merealisasikan Perjanjian Paris walaupun impak terhadap perubahan iklim kita adalah kecil berbanding negara maju dan negara perindustrian lain.
- Dalam perkembangan industri **tenaga suria**, Suruhanjaya Tenaga (ST) akan menawarkan kuota solar sebanyak 2,000 MWac melalui proses bidaan kompetitif di bawah program Solar Skala Besar atau *Large-Scale Solar* (LSS).
- MWac adalah unit bagi mengukur output loji tenaga solar dalam arus ulang alik (*alternating current*, AC) yang dihantar ke grid kuasa. Ukuran ini diambil setelah pertukaran daripada arus terus (*direct current*, DC) menggunakan *inverter* dan setelah berlaku kehilangan tenaga.
- Proses bidaan LSS pusingan kelima ini menyasarkan kapasiti berjumlah 2,000 MWac dengan empat pakej ditawarkan:

PAKEJ & KAPASITI	JULAT KAPASITI	JENIS	SYARIKAT
Pakej 1 (250 MWac)	1-10 MWac	Atas bumbung atau atas tanah	100% ekuiti Bumiputera
Pakej 2 (250 MWac)	10-30 MWac		>51% ekuiti Bumiputera
Pakej 3 (1,000 MWac)	30-500 MWac		>51% ekuiti tempatan
Pakej 4 (500 MWac)	-	Terapung	


- Dalam perkembangan tentang pengangkutan era baharu pula, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus mempertingkatkan usaha memperkenalkan **teknologi hidrogen hijau** di Malaysia dengan sasaran hasil ekonomi hijau mampu menjana pendapatan sehingga RM12 bilion menjelang tahun 2030.
- MOSTI baru mengadakan demonstrasi penggunaan Mobile Hydrogen Refueling Unit (MHRU) dan kenderaan berkuasa hidrogen di Putrajaya. **MHRU** merupakan teknologi bersifat mudah alih bertujuan untuk pengisian semula hidrogen dalam kenderaan dengan hidrogen menggantikan bahan api fosil.
- Salah satu kritikan pemain industri tentang langkah kerajaan menggesa peluasan teknologi tenaga hidrogen ini adalah untuk meredakan kemaraan dan potensi **monopoli ekonomi China** dalam industri kenderaan elektrik.
- Meskipun teknologi ini **sudah lama dibangunkan** sejak awal alaf 2000, namun terdapat kekangan kos yang tinggi yang menyebabkan tenaga hidrogen tidak dapat berkembang pesat. Antara saranan pakar untuk meluaskan adaptasi teknologi hidrogen dalam kenderaan perdagangan, lebih baik berbanding teknologi elektrik yang menggunakan bateri yang berat dan tempoh masa pengecasan yang lama.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/ekonomi/2024/04/kerajaan-buka-bidaan-kuota-solar-2000mw/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kerajaan-buka-bidaan-kuota-solar-2000mw
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/01/ekonomi-hidrogen-berpotensi-jana-rm12-bilion-menjelang-2030/

Konflik Laut China Selatan

- Pertikaian di **Laut China Selatan** merupakan antara topik panas yang mempengaruhi geopolitik di Asia Tenggara. Kawasan tersebut disebabkan lokasinya strategik serta mampu menjadi penghubungkan bagi laluan perdagangan global selain ia kaya dengan sumber aslinya seperti rizab minyak dan gas.
- Laut China Selatan kaya dengan biodiversiti dan sumber semula jadi yang pelbagai. Atas faktor tersebut, perkara ini acap kali telah menimbulkan konflik besar selama bertahun-tahun di Asia Tenggara. Pertikaian itu bukan sahaja menimbulkan persoalan tentang kedaulatan dan hak pelayaran tetapi ia juga berkait tentang keselamatan serantau dan akses kepada sumber asli.
- Malaysia sebagai salah sebuah negara yang terlibat dengan konflik tersebut telah menegaskan tuntutannya berdasarkan undang-undang antarabangsa khususnya Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (UNCLOS).
- **UNCLOS** telah menetapkan persempadan laut wilayah antara 12 batu nautika dari garis pantai dan EEZ sehingga 200 batu nautika. Melalui undang-undang ini, ia memberikan hak eksklusif bagi setiap negara untuk meneroka dan menggunakan sumber asli mereka selari dengan persempadanan tersebut.
- Walau bagaimanapun, peruntukan ini sering menjadi pertikaian di Laut China Selatan, di mana tuntutan bertindih ke atas pulau-pulau oleh negara-negara seperti China, Filipina, Vietnam, Malaysia, Brunei dan Taiwan seringkali berlaku, telah mewujudkan situasi yang sangat kompleks. Tuntutan China, khususnya, yang digariskan dalam "**Nine Dash Line**" menjangkau jauh ke dalam EEZ negara jiran. Perkara ini telah menimbulkan persoalan tentang keabsahan peruntukan yang terkandung dalam UNCLOS.



- Secara umumnya, UNCLOS merupakan satu undang-undang antarabangsa yang berperanan untuk mengawal selia penggunaan laut dan sumber aslinya. Konvensyen ini, yang sering disebut sebagai "piagam laut," bertujuan untuk mengimbangi hak dan kewajiban setiap negara yang mempunyai pantai bagi menjamin kepentingan masyarakat antarabangsa secara keseluruhan.

- Walau bagaimanapun, pertikaian Laut China Selatan menghadapi pelbagai cabaran apabila China beberapa kali telah mempertikaikan keabsahan yang terkandung dalam UNCLOS. Ia termasuklah takrifan laut wilayah dan zon ekonomi eksklusif (EEZ), serta isu pulau buatan serta wilayah tebus guna. Cabaran ini telah menyebabkan ketegangan serantau antara negara-negara seperti Filipina, Vietnam, Malaysia, Brunei, Indonesia dan termasukkan negara hegemon iaitu Amerika Syarikat.

- Antara pertikaian Laut China Selatan yang terbesar adalah pertikaian **Kepulauan Spratly**. Pertikaian ini melibatkan tuntutan antara wilayah laut dan Kepulauan Spratly serta Kepulauan Paracel. Gugusan Kepulauan Spratly memiliki lokasi yang strategik di mana ia terletak di tengah-tengah beberapa

laluan perdagangan utama. Kawasan tersebut menjadi rumah kepada kawasan perikanan yang membekalkan sumber protein di rantau tersebut, serta kaya dengan pelbagai sumber asli.

- Pada pertengahan 2015, China telah membina sekurang-kurangnya tujuh pulau buatan di Laut China Selatan. China telah membina landasan di pulau buatannya selama lebih 12 bulan dan pendaratan pesawat pertamanya baru-baru ini dikatakan telah menimbulkan ketegangan dan mengancam kestabilan serantau termasuk kuasa-kuasa besar. China mendakwa pembinaan infrastruktur ketenteraan di kepulauan dibangunkan dengan alasan ia terletak di kawasan "Nine Dash Line" sekaligus menafikan undang-undang antarabangsa.
- Ini menunjukkan bahawa undang-undang antarabangsa tidak mampu mengikat atau mengawal sesebuah negara. Walaupun ia menjadi rujukan kebanyakkan negara namun, ia tidak mempunyai punca kuasa yang ampuh bagi menundukkan kuasa besar seperti China.

RUJUKAN

- https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/3257672/south-china-sea-philippines-taking-dangerous-path-president-marcos-jnrs-anti-china-moves-sister-imee
- https://asiahouse.org/news-and-views/the-south-china-sea-the-spratly-islands-dispute/



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**